

Rujukan kami : UMP.02.01/10.12/2 Jilid 09 (27)
Tarikh : 7 Oktober 2021

Senarai edaran seperti di lampiran

YBhg. Dato'/ Datin/ Prof./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

PENGOPERASIAN UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG (UMP) DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA EMPAT (4)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa dengan merujuk kepada kenyataan media oleh Menteri Kanan Pertahanan pada 6 Oktober 2021, kerajaan telah mengumumkan peralihan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa Empat (4) bagi negeri Pahang berkuatkuasa pada 8 Oktober 2021.

3. Sehubungan dengan itu dengan merujuk kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) maka pengoperasian Universiti Malaysia Pahang (UMP) **berkuatkuasa pada 8 Oktober 2021** adalah seperti berikut:

- i. Kapasiti kehadiran bekerja di pejabat adalah **100%**.
- ii. Mesyuarat:
 - a. Mesyuarat secara bersemuka dibenarkan bagi individu yang telah lengkap menerima vaksin tertakluk kepada kapasiti ruang bilik mesyuarat dengan penjarakan fizikal.
 - b. Mesyuarat digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video atau hibrid.
- iii. Perkhidmatan kaunter beroperasi sepenuhnya.
- iv. Mematuhi SOP berkaitan COVID-19 yang ditetapkan oleh pihak MKN dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

4. Sebarang perubahan pengoperasian dan pemakluman SOP baharu akan dimaklumkan dari semasa ke semasa. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/ Datin/ Prof./ Prof. Madya/ Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



(HAZMIN BIN ARIS)

Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi
Universiti Malaysia Pahang

s.k. - Yang Menjalankan Fungsi Naib Canselor